



RASMI... Kamarudin Mamat (empat dari kiri) bertukar dokumen dengan Noor Azlan Ghazali (lima dari kiri) pada majlis menandatangani MoA penyelidikan antara Kagat dan UKM di Bangi, Selangor, baru-baru ini.

Kerjasama bagi perluas ilmu Islam

KISAH peperangan yang dilalui Rasulullah SAW, para sahabat dan ulama terdahulu bukan sekadar mempertahankan maruah dan kesucian Islam, tetapi turut mempunyai pengajaran ketenteraan strategik bersesuaian dengan realiti semasa.

Banyak contoh berupa strategi peperangan dan pertahanan yang boleh diambil iktibar. Antaranya, aspek kepimpinan yang dilihat memainkan peranan besar bagi kelangsungan hidup sesebuah organisasi, masyarakat dan negara.

Justeru, tidak hairanlah apabila Kor Agama Angkatan Tentera (Kagat) menjalinkan kerjasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) dengan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi projek pemugaran warisan Sejarah Ketenteraan Islam (Sakti).

Usaha R&D yang diterajui Fakulti Pengajian Islam UKM itu memberi tumpuan khusus kepada karya *Sahih Bukhari: Terjemahan Kitab al-Maghazi*.

Peristiwa

"Karya yang mengandungi sekitar 100 bab dan dimuatkan lebih kurang 500 buah hadis itu diharapkan menjadi titik tolak bagi mencetuskan transformasi ilmu khususnya dalam bidang hadis dan sejarah ketenteraan Islam di negara ini," kata Ketua Pengarah Kagat, **Mejar Jeneral Datuk Kamarudin Mamat**.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani memorandum perjanjian (MoA) penyelidikan antara Kagat dengan UKM di universiti itu di Bangi, Selangor, baru-baru ini. UKM diwakili Naib Canselornya, **Prof. Tan Sri Dr. Noor Azlan Ghazali**, manakala Kamarudin pula mewakili Kagat.

Bagi projek berkenaan, pihak Kagat menganugerahkan dana penyelidikan berjumlah RM100,000 melalui Tabung Zakat Angkatan Tentera Malaysia (ATM) kepada fakulti berkenaan.

Kamarudin menyifatkan

kerjasama R&D tersebut memberi peluang kepada Kagat untuk memperkukuh dan memantapkan tahap penguasaan ilmu pengetahuan Islam dalam kalangan anggota tentera.

"Ini bertepatan dengan antara misi utama penubuhan Kagat iaitu menjadi penjana kecemerlangan pembangunan kerohanian modal insan yang unggul," katanya.

Sementara itu, Noor Azlan melihat kerjasama sedemikian membuktikan bahawa UKM mempunyai ramai penyelidik yang boleh menyumbang kepakaran dalam memajukan bidang pertahanan negara.

"Sumbangan kepakaran dalam konteks memasyarakatkan penyelidikan UKM tidak akan berjaya tanpa adanya bantuan dari pihak industri dan agensi kerajaan.

"Saya juga berharap dengan dana ini akan dapat menghasilkan lebih banyak penyelidikan berimpak tinggi kepada ilmu pengajian Islam pada masa depan," katanya. -

HASHNAN ABDULLAH



ANTARA hadirin yang hadir pada Majlis Menandatangani MoA Penyelidikan antara Kagat dengan UKM di UKM, Bangi, Selangor, baru-baru ini.